

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

2. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi kelewatan membaiki jalan raya selepas ia digali untuk menaik taraf utiliti tempatan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Bagi mengatasi kelewatan membaiki jalan raya akibat kerja-kerja menaiktaraf utiliti, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengarahkan supaya syarikat utiliti melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-
- (i) Melantik kontraktor turapan jalan sebelum permit penggalian jalan diluluskan oleh pihak agensi utiliti; dan
 - (iii) Menetapkan syarat kepada syarikat utiliti supaya melaksanakan kaedah kerja secara *Horizontal Directional Drilling* (HDD) atau *Pipe Jacking* bagi mengurangkan kawasan yang terjejas akibat pengorekan jalan sekaligus mengurangkan kelewatan membaiki jalan oleh syarikat utiliti.

Sekiranya berlaku kelewatan membaiki jalan raya akibat menaik taraf utiliti, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT akan mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Pengeluaran surat amaran kepada agensi utiliti dan memberi satu tempoh tertentu kepada mereka agar segera membaiki jalan raya. Sekiranya jalan raya tidak dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan

melaksanakan kerja-kerja pembaikan terlibat dan segala kos akan dipotong daripada dana pusingan (*revolving fund*) yang dikemukakan oleh setiap agensi utiliti ; dan

- (ii) Melibatkan pasukan khas bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan kecemasan jika terdapat kelewatan tindakan pembaikan jalan raya oleh syarikat utiliti.

Semua kerja-kerja pembaikan jalan raya yang dilaksanakan oleh syarikat utiliti akan dipantau oleh PBT melalui aplikasi *WhatsApp Group* yang terdiri daripada agensi-agensy kerajaan dan syarikat-syarikat utiliti.